



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM GERAK INTEGRASI PERPADUAN DIPERLUAS KE SEKOLAH DAN KOMUNITI BERMULA TAHUN HADAPAN

KOTA KINABALU, 22 Ogos 2026 – Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) akan diperluaskan melalui GRIP @ Prasekolah, GRIP @ Murid dan GRIP @ Komuniti bermula tahun hadapan. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Peringkat Kebangsaan 2026 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sabah.

GRIP merupakan inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia bagi **membina kefahaman, memperkukuh hubungan silang budaya, menyemai semangat kenegaraan serta membentuk generasi muda yang mempunyai kesedaran dan tanggungjawab terhadap perpaduan negara.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “Pendekatan ini membolehkan **nilai perpaduan dapat diterapkan sejak usia awal, diperkukuh dalam kalangan pelajar dan seterusnya diperluaskan kepada masyarakat termasuk pemimpin komuniti pelbagai etnik dan agama** selari dengan mandat Kementerian Perpaduan Negara dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)”.

“Generasi muda terus menjadi fokus utama Kerajaan MADANI dalam agenda perpaduan negara kerana mereka yang sedang membentuk wajah Malaysia masa hadapan. Dalam era digital dan media sosial yang pantas, kita mahu **melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu tetapi mempunyai jati diri nasional yang kukuh, memahami Perlembagaan Persekutuan, menghayati Rukun Negara, menghargai kepelbagaian**

serta mampu berinteraksi dan mengurus perbezaan secara matang dan berhemah,” tambah beliau.

Sementara itu, KPN menerusi JPNIN juga akan **melancarkan Buku Panduan Pelaksanaan Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) Murid Sekolah** sebagai panduan dan rujukan rasmi kepada pentadbir sekolah, guru dan fasilitator di seluruh negara bagi memastikan pelaksanaan GRIP dapat diteruskan secara sistematik dan berimpak di setiap sekolah pada masa hadapan.

Bagi tahun 2026 penganjuran GRIP Peringkat Kebangsaan berlangsung selama tiga hari bermula 20 hingga 23 Ogos 2026 di UiTM Sabah dengan menghimpunkan seramai 200 orang murid sekolah menengah daripada pelbagai etnik dan latar belakang yang mewakili seluruh negara dan bagi penganjuran GRIP peringkat zon akan diadakan di beberapa lokasi terpilih di Sabah, Kedah, Johor, Terengganu, Selangor dan Sarawak.

Kementerian Perpaduan Negara

22 Ogos 2026

KPN.100-9/1/16 (68)

